

Headline	Selangor pasang solar di SUK, PDT		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	27
ArticleSize	319 cm <sup>2</sup>	Journalist	NORAFIZA JAAFAR
PR Value	RM 20,289		



# Selangor pasang solar di SUK, PDT

Manfaat penggunaan sumber RE, usaha tangani perubahan iklim

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**  
**SHAH ALAM**

**S**elangor memperluaskan pemasangan panel solar di Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) serta semua sembilan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) sebagai usaha menangani perubahan iklim melalui sumber tenaga boleh diperbaharui (RE).

Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, Jamaliah Jamaluddin berkata, kerja pemasangan solar di bangunan SUK telah selesai dan mula beroperasi sejak Ogos lalu.

Bagi peringkat PDT pula menurutnya, PDT Hulu Selangor, Kuala Langat dan Sabak Bernam juga selesai menjalani proses pemasangan, manakala enam yang lain akan memulakan projek pada akhir bulan ini.

"Panel solar di PDT Hulu Selangor te-

lah mula beroperasi pada Januari lalu, sementara Kuala Langat sedang menunggu kelulusan lesen daripada Suruhanjaya Tenaga, manakala Sabak Bernam pula sedang di peringkat ujian akhir.

"Kerja pemasangan solar di PDT Petaling, Klang, Gombak, Sepang, Kuala Selangor dan Hulu Langat menyusul dijadualkan akhir bulan ini," katanya dalam satu kenyataan.

Pada Rabu, beliau menyempurnakan pelancaran projek pemasangan solar di bangunan SUK di sini.

Jamaliah berkata, pemasangan panel solar dilaksanakan selepas melalui proses konsultasi dan perbincangan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan GSPARX Sdn Bhd sebelum perjanjian dimuktamadkan.

Menurutnya, perjanjian tersebut merupakan satu pencapaian penting buat kerajaan negeri dalam mempraktikkan amalan hijau ke arah merealisasikan agenda rendah karbon.

Tambah beliau, selain projek pemasangan panel solar di bangunan SUK dan PDT, inisiatif sama telah dimulakan di peringkat pihak berkuasa tempatan



Jamaliah (empat dari kanan) pada pelancaran projek pemasangan solar di bangunan SUK, Shah Alam pada Rabu.

(PBT) Selangor di bangunan serta dewan, pasar dan taman awam.

"Selangor sentiasa komited dalam usaha melestarikan alam sekitar, sekali

gus meneruskan usaha mengurangkan intensiti pelepasan karbon sebanyak 45 peratus menjelang 2030 dan sifar karbon seawal tahun 2050," tambahnya.